



BULETIN INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA

edisi 3 - 2008

www.youth.org.my

Fakta



Kuasa dan suara belia amat besar pengaruhnya. Sejarah membuktikan bahawa dalam menuntut kemerdekaan, generasi muda terdahulu berjaya membangkitkan semangat nasionalisme di dalam menuntut kemerdekaan dari penjajahan British. Suara, pendapat dan perjuangan generasi muda yang lahir daripada golongan cendiakawan mampu diterima dan didengari oleh rakyat. Ini membuktikan bahawa generasi muda mampu menjadi pencetus kepada ideologi dan semangat baru.

Kini peranan dan tanggungjawab golongan belia masih sama. Bezanya belia terdahulu menuntut kemerdekaan manakala belia masa kini bertanggungjawab mengisi erti kemerdekaan. Walaupun terdapat pelbagai cara dalam meluahkan makna kemerdekaan, namun usaha pembentukan satu negara yang maju dan terbilang masih menjadi matlamat yang satu.

Sejak merdeka, negara kita telah mengamalkan konsep demokrasi yang mana ianya menerima suara rakyat dalam menentukan tumpuk pemerintahan negara. Berdasarkan populasi belia yang ada pada hari ini iaitu sebanyak 11.97 juta orang, potensi mereka adalah amat besar untuk meneraju negara. Hakikatnya, percambahan idea-idea berterusan daripada golongan belia adalah penting bagi membantu kerajaan dalam melaksanakan dasar dan perancangan untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) yang rasminya diletakkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) merupakan satu badan perwakilan yang membolehkan belia menyuarakan hak, pendapat, idea, pengetahuan dan tindakan. Semasa merasmikan penubuhannya, Tun Abdul Razak Husein menyatakan bahawa MPBN merupakan

sebuah 'Parlimen Belia'. Belia bersidang untuk menentukan dan membincangkan haknya sendiri. Ini membuktikan terdapat saluran yang boleh digunakan oleh belia untuk meluahkan pendapat mereka.

Hasil kemajuan yang dikecapi pada hari ini, membolehkan perhubungan daripada teknologi diterima oleh semua. Penggunaan blog umpamanya, merupakan cetusan baru yang berupaya membantu golongan belia menyuarakan hak mereka. Perbincangan dan diskusi yang dilahirkan dapat digunakan sebagai sandaran dan iktibar oleh pelbagai pihak.

Hakikatnya golongan belia tidak memerlukan pengiktirafan yang tinggi. Walau bagaimanapun mereka mahukan suaranya didengari. Semoga percambahan minda yang bernas yang datang daripada generasi muda berupaya membantu meningkatkan kemajuan negara.



Salam kemerdekaan untuk pembaca Buletin Fakta Edisi Ke-3 bagi tahun 2008. Pelbagai sorotan peristiwa telah berlaku di Malaysia sehingga tercetusnya penerbitan buletin pada kali ini. Malah, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia juga tidak terkecuali daripada mengalami perubahan. Saya sebagai CEO baru secara rasminya di institut ini juga berazam akan membawa organisasi ini ke arah yang lebih efisien serta mampu

'Mengupayakan Belia Malaysia' menerusi penyelidikan dan program yang bakal dianjurkan. Institut yang dahulu dikenali sebagai IPPBM telah diberi nafas baru supaya lebih mudah dikenali umum. Beridentitikan PENYELIDIKAN BELIA, organisasi ini dilihat akan lebih memartabatkan bahasa ibunda kita di persada dunia.

Walaupun sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia ke-51 telah berlalu namun sebagai generasi muda di bumi Malaysia, rasa hormat terhadap perjuangan belia terdahulu sewajarnya kekal tersemat disanubari, masih tertanam semangat cintakan negara dan sentiasa menyemai jati diri sebagai anak bangsa. Pada hakikatnya, kemerdekaan negara amatlah sukar untuk dicapai oleh belia terdahulu. Semangat perjuangan untuk memartabatkan maruah negara telah memberi pengalaman yang tidak dapat dialami oleh belia kini. Tidak salah kiranya generasi belia kini terus mengekalkan kemerdekaan tersebut dengan pelbagai cara asalkan rakyat di Malaysia akan terus bersatu padu dan tidak mudah goyah walaupun diusik oleh anasir-anasir luar yang berusaha untuk melihat kehancuran negara kita. Dalam menginjak ke fasa kedua kemerdekaan negara iaitu 50 tahun akan datang, belia seharusnya lebih matang dalam menilai sesuatu perkara yang berlaku dalam negara.

Kontrak sosial iaitu suatu perjanjian yang dimeterai di atas persetujuan tiga kaum utama di Malaysia sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan 1957, seharusnya dipegang dengan penuh setia, jujur, amanah dan tanpa prejudis. Sifat tamak semata-mata untuk memenuhi kepentingan peribadi sesuatu kaum hanya akan menjadikan keharmonian dan keamanan yang dipupuk oleh generasi terdahulu. Justeru, generasi belia perlu dibentengi dengan ilmu pengetahuan dan pemikiran yang terbuka dan kritis sebagai senjata untuk mengelakkan mereka dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif. Apatah lagi, dengan sogokan kecanggihan teknologi terkini.

Sempena penghayatan dan keistimewaan dalam bulan Ramadhan Al-Mubarak ini, marilah kita bersama-sama mencari keberkatan di dalam mengembalikan fitrah kesucian generasi belia dan pemikiran mereka ke landasan yang lebih direhdai. Sikap saling hormat-menghormati dan toleransi ternyata resepi yang berupaya mengekalkan perpaduan sekalipun pelbagai pengaruh negatif yang cuba meracuni minda generasi belia.

Aidilfitri bakal menjelang tidak lama lagi. Sambutan perayaan juga adalah jambatan penghubung yang mampu mengeratkan semangat perpaduan di kalangan belia berbilang bangsa, agama dan kepercayaan dalam usaha melahirkan modal insan belia berminda kelas pertama.

Salam Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Datuk Prof. Madya Hj. Abd. Halim Sidek

Ketua Pegawai Eksekutif

Sidang Redaksi

Penasihat

Datuk Prof. Madya Hj. Abd. Halim Sidek

Ketua Pengarang

Mastura Mohamad

Ketua Editor

Nadya Shaffinaz Bajuri

Sidang Pengarang

Shariiffah Mamat
Nor Hamidah Hamzah
Shahhanim Yahya
Rizzal Dolah
Nuurul Mizan Ya'cob
Hasnul Mubarak
Raja Shahida Raja Hassan

Publisiti

Mohd Farius Bujang
Ariffin Abdul Rahman
Nur Zanariah Shaarani

Sila hantarkan sebarang komen dan pertanyaan anda kepada info@youth.org.my.

- QUOTE -

A piece of knowledge is never false or true - but only more or less biologically and evolutionary useful. All dogmatic creeds are approximations: these approximations form a humus from which better approximations grow.

(Ernst Mach)



Erti Kemerdekaan

Lagu Negaraku menjadi kebanggaan serta penyuntik semangat dan seringkali dinyanyikan ketika majlis rasmi sama ada di sekolah, kementerian mahupun organisasi-organisasi lain yang terdiri daripada rakyat Malaysia. Malaysia telah merentasi serta mengharungi pelbagai onak dan cabaran sebelum mencapai kegemilangan dan kecemerlangan. Fasa pra-merdeka dan pasca-merdeka sangat berbeza antara satu sama lain. Kecemerlangan dan kegemilangan Malaysia dapat diukur semasa fasa pasca-merdeka.

"Perpaduan Teras Kejayaan" telah dipilih sebagai tema bagi sambutan kemerdekaan Malaysia yang ke-51. Kejayaan dan kegemilangan yang telah dicapai oleh Malaysia membuktikan bahawa walaupun rakyat Malaysia terdiri dari pelbagai bangsa dan agama, namun situasi ini tidak sesekali membataskan semangat perpaduan di antara satu sama lain. Erti kemerdekaan yang sebenar seharusnya tertanam di setiap sanubari rakyat Malaysia malah golongan belia terutamanya sekaligus memupuk semangat patriotisme dalam diri setiap warganegara Malaysia.

Walau bagaimanapun, Malaysia tidak terlepas dari cabaran-cabaran penularan budaya negatif terutamanya di kalangan golongan belia. Namun, berbekalkan semangat cintakan tanah air di dalam sanubari, maka cabaran-cabaran ini berjaya ditangkis dari semasa ke semasa. Pengisian masa senggang dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah seperti sukan, senaman dan persatuan mampu mengalah pandangan golongan belia daripada terlibat dengan gejala-gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah dan gangsterisme. Kejayaan Lee Chong Wei dalam Sukan Olimpik Beijing

2008 diharapkan berupaya membakar semangat setiap rakyat Malaysia untuk menggapai kecemerlangan dalam bidang yang diminati.

Kini, segala usaha yang digarap oleh seluruh lapisan rakyat menjadi hadiah yang amat berharga untuk sambutan 51 Tahun Kemerdekaan Malaysia. Menghadapi alaf baru yang penuh cabaran, belia seharusnya lebih

sempadan yang diperkenalkan kepada seluruh rakyat menuntut kita supaya lebih peka dengan persekitaran yang berlaku. Justeru itu, konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan akan menjadi wadah untuk belia membangunkan negara dengan penuh keimanan kepada tuhan, berilmu, kehidupan yang harmoni, agihan kekayaan yang adil, bertamadun dan beretika.

Erti kemerdekaan sebenar seharusnya dihayati dan direnunggi bersama oleh belia Malaysia tanpa mengira kaum, bangsa mahupun agama. Seharusnya mereka perlu sentiasa berusaha untuk memajukan diri, masyarakat dan seterusnya tanah air tercinta ini bagi memastikan kecemerlangan dan kegemilangan negara akan berkekalan. Setiap belia perlu memantapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan bagi membolehkan Malaysia bersaing di peringkat antarabangsa. Kini, tidak dapat disangkal lagi bahawa Malaysia amat berpotensi untuk bersaing sehingga ke peringkat antarabangsa berlandaskan kemajuan serta kegemilangan yang telah dicapai sejak beberapa dekad ini tidak kira dalam bidang sukan, teknologi dan bidang-bidang lain. Malaysiaku Merdeka!!!

*Negaraku,
Tanah tumpahnya darahku,
Rakyat hidup,
bersatu dan maju,*

*Rahmat bahagia,
Tuhan kurniakan,
Raja kita,
selamat bertakhta,*

*Rahmat bahagia,
Tuhan kurniakan,
Raja kita,
selamat bertakhta.*

berwaspada. Biarpun suatu ketika dahulu, kita digembar-gemburkan dengan penjajahan bentuk baru melalui pengaruh pemikiran, ekonomi, sosial, adat dan budaya, ternyata kini penjajahan ke atas negara lemah dan mundur yang suatu ketika dahulu telah lama ditinggalkan oleh manusia bertamadun, kini kembali semula dalam bentuk dan alasan baru.

Kita juga dikepung oleh ledakan teknologi komunikasi maklumat dan era globalisasi yang menuntut lebih pengorbanan dan tanggungjawab daripada rakyat untuk terus mempertahankan kemerdekaan sedia ada. Dunia tanpa



Penghayatan Belia Di Bulan Ramadhan

Bermula 1 September 2008, umat Islam seluruh dunia telah menyambut bulan yang penuh dengan limpah rahmat, kemuliaan dan keinsafan yakni bulan Ramadhan al-Mubarak.

Peluang mengabdikan diri kepada Pencipta Yang Maha Esa ini perlu diraih sebaik mungkin di kalangan semua belia tanpa terkecuali. Kalau selama ini kita sebagai manusia tidak terlepas dari melakukan salah dan silap, namun pada kesempatan Ramadhan kali ini kita bersama-sama menyucikan diri dengan melakukan amalan-amalan yang diwajibkan dan disunnatkan sepanjang bulan Ramadhan. Ibadat puasa di siang hari dan disertai dengan bersedekah serta solat sunat tarawih adalah antara rawatan kerohanian yang akan membentuk peribadi belia itu sendiri.

Beginu bermaknanya bulan Ramadhan untuk sama-sama kita hayati. Perkara yang tidak kurang penting juga untuk dicapai oleh belia Malaysia adalah bukan setakat meraih sebanyak mana pahala dan ganjaran di bulan mulia ini, sebaliknya sebagai melengkapi sebuah putaran kehidupan. Seharusnya belia kita perlu insaf dan sedar bahawa ramai lagi belia di negara luar yang tidak bernasib baik sebagaimana kenikmatan yang kita perolehi di bumi Malaysia.

Kelebihan yang dimiliki oleh belia Malaysia berbanding dengan belia di negara dunia ke tiga yang lain perlu dijawai dan diperhalusi. Tambahan lagi, belia Malaysia yang mempunyai pelbagai warna kulit dan kepercayaan perlu dilihat sebagai satu kelebihan dan keunikan. Masing-masing mempunyai corak pemikiran yang boleh dijadikan terma rujukan untuk bersama-sama membangunkan Malaysia negara tercinta. Perspektif perbezaan dari segi budaya bukanlah satu alasan sehingga menjelaskan matlamat menuju negara maju. Sebaliknya kepelbagaian ini menjadikan Malaysia satu contoh peradaban manusia yang kuat dengan nilai-nilai budaya yang boleh dikongsi bersama.

Nilai budaya hormat-menghormati terhadap sesuatu pegangan agama dan kepercayaan termasuklah perayaan menjadikan belia Malaysia sempurna dan mewah dengan pelbagai silang budaya. Sesuai dengan perayaan yang bakal menjelang selepas bulan Ramadhan, amalan kunjung-mengunjung di kalangan sahabat-handai pelbagai budaya adalah satu laluan untuk merapatkan ukhwah dan silaturahim di kalangan belia Malaysia yang berbilang kaum.

Beginu juga dengan sambutan perayaan kaum lain yang turut sama dihormati dan diberikan peluang yang sama rata bagi melahirkan rasa keperluan terhadap suntikan rohani mengikut amalan budaya masing-masing. Malah ia serasi dengan tema perayaan kemerdekaan yang berbunyi "Perpaduan Teras Kejayaan". Tidak salah kalau dikatakan bahawa amalan yang menyumbang kepada perpaduan telah sedia ada menjadi rutin amalan, namun kita sering kali perlu diingat-ingatkan. Malah di dalam al-quran dan sunnah dengan jelas menyatakan "Berpesan-pesanlah kamu walaupun satu ayat demi kebaikan". Selamat Menyambut Bulan Ramadhan al-Mubarak.



Kesediaan BELIA Sebagai TUNGGAK NEGARA MAJU

J Wawasan 2020 telah dicetuskan pada tahun 1991 dan jika dihitung semula hanya tinggal 12 tahun sahaja lagi kita akan menghadapinya. Justeru itu, tahun 2008 membawa Malaysia berada separuh jalan dalam menuju ke arah negara maju sepenuhnya. Dengan erti kata lain, rakyat Malaysia yang lahir pada tahun 1991 telah berada di landasan wawasan 2020 selama 16 tahun.

Dalam proses pertumbuhan untuk menjadi dewasa yang sempurna dan positif, setiap individu remaja/belia akan terbentuk dengan baik (secara rabbani/holistik) apabila mereka berjaya menempuh dan bergelumang kesukaran yang melibatkan proses pertumbuhan mental, fizikal, sosial dan emosi. Proses ini sebenarnya yang membentuk aset penting dalam diri mereka, iaitu aset pembangunan belia, dan semua belia berpotensi dan berkeupayaan membentuk aset ini.

Aset-aset pembangunan positif belia ini penting kerana ia sangat berpengaruh

ke atas tingkahlaku belia, dengan melindungi mereka daripada membuat keputusan yang menyebabkan mereka terjebak dengan pelbagai tingkahlaku bermasalah dan pada masa yang sama menyerlahkan sikap dan tingkahlaku belia. Dengan melindungi mereka daripada tingkahlaku bermasalah maka ia memberi laluan dan ruang kepada usaha meningkatkan sikap, kemahiran dan tingkahlaku positif. Ini menunjukkan bahawa aset pembangunan belia juga merupakan kemahiran yang ada pada individu yang perlu dibangun dan dikembangkan untuk memastikan mereka berupaya hidup secara produktif.

Merujuk kepada penjelasan di atas, maka satu kajian dijalankan untuk menilai sejahteran potensi/aset pembangunan luaran dan dalaman positif belia mampu menjadi asas menyediakan mereka untuk berperanan sebagai tuggak negara maju selaras dengan wawasan 2020. Kajian yang dilaksanakan ini menggunakan kaedah survey yang melibatkan




penggunaan borang soal selidik. Populasi kajian adalah ke atas golongan belia awal yang berada di sekolah menengah yang lahir pada tahun yang sama Wawasan 2020 dicetuskan.

Aset pembangunan positif belia terdiri daripada 40 aset-aset yang boleh dikategorikan kepada aset dalaman dan aset luaran belia. Aset luaran merupakan faktor luaran (*positive developmental experiences*) yang membentuk dan mempengaruhi keupayaan belia untuk mempercayai orang lain, berkembang maju dan mempelajari sesuatu daripada persekitaran mereka. Kumpulan aset ini menyediakan sokongan, motivasi, sumber dan peluang serta cabaran positif bagi menguji, membentuk dan membangunkan aset-aset dalaman. Manakala aset dalaman merangkumi sokongan, pendayaupayaan, batasan, jangkaan dan peluang menggunakan masa secara positif.

Aset Pembangunan Belia Positif

ASET LUARAN	Aset dan Sub Set Luaran	ASET DALAMAN	Aset & Sub Set Dalaman
	1. Sokongan		1. Komitmen Pembelajaran
	<ul style="list-style-type: none"> Sokongan keluarga Komunikasi Keluargapositif Hubungan dgn orang dewasa lain Jiran penyayang Suasana sekolah yg penyayang Penglibatan ibubapa dlm persekolahan 		<ul style="list-style-type: none"> Motivasi kejayaan Penyertaan sekolah Kerja rumah sekolah Pertalian dgn sekolah Membaca untuk keseronokan
	<ul style="list-style-type: none"> Pengupayaan Masyarakat menghargai belia Belia sbg sumber Khidmat kemasyarakatan Keselamatan 		<ul style="list-style-type: none"> Nilai Positif Penyayang Kesamarataan & keadilan Integriti Jujur Bertanggungjawab Menahan diri dr terjebak aktiviti tidak sihat
	<ul style="list-style-type: none"> Batasan & Jangkaan Batasan keluarga Batasan sekolah Batasan kejiranan Role Model Org Dewasa Pengaruh positif rakan sebaya Jangkaan tinggi 		<ul style="list-style-type: none"> Kompetensi Sosial Perancangan & membuat keputusan Kecekapan interpersonal Kecekapan bergaul dgn etnik lain Kemahiran resistan Menyelesaikan konflik secara damai
	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan masa konstruktif Aktiviti positif Program belia Keagamaan komuniti Masa di rumah 		<ul style="list-style-type: none"> Identiti Positif Keupayaan mengawal kehidupan Estem Kendiri
			<ul style="list-style-type: none"> Amalan Keagamaan Amal kehidupan beragama

Aset-aset pembangunan belia positif ini akan menjadi indikator kejayaan pembangunan belia positif dan belia sebagai penggerak/agen perubahan yang membawa perubahan jangka panjang dalam komuniti dan negara. Hubungkait di antara aset pembangunan luaran dan dalaman hidup terhadap kesediaan belia sebagai tunggak negara maju boleh dirumuskan dalam Rajah 1.



Rajah 1 : Kesediaan Belia dalam Pencapaian Tunggak Negara Maju

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan mendapati, majoriti belia awal semasa berada di tahap kesediaan sederhana dalam berperanan sebagai tunggak negara maju. Terdapat variasi tahap kesediaan belia iaitu dalam lingkungan tahap sederhana ke rendah. Lima cabaran berada pada tahap sederhana ialah cabaran 1 (75.5%), Cabaran 8 (64.9%), Cabaran 9 (55.9%), Cabaran 4 (55.5%) dan Cabaran 6 (50.7%). Manakala empat lagi cabaran berada pada tahap rendah ialah Cabaran 2 (45.7%), Cabaran 3 (47.9%), Cabaran 5 (48.9%) dan Cabaran 7 (49.6%).

Selain itu, terdapat dapatan yang bervariasi mengikut beberapa pembolehubah seperti jantina, etnik, lokasi, zon, jenis kediaman dan kepelbagaian

etnik. Keputusan perbandingan mendapati di aras kesediaan sederhana:

- Belia perempuan adalah lebih bersedia berbanding belia lelaki.
- Belia luar bandar lebih bersedia berbanding belia Bandar
- Belia India dan Melayu lebih bersedia berbanding belia Cina
- Belia zon timur lebih bersedia berbanding belia zon utara
- Belia berumah kampung lebih bersedia berbanding belia yang berkediaman teres berkembar/banglo atau belia yang tinggal di flat atau kuarters.

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan ini, didapati bahawa belia awal semasa belum mencapai kesediaan yang tinggi

sebagai tunggak negara negara maju. Banyak usaha menyerlah aset golongan ini perlu dilakukan berhubung dengan aspek bangsa Malaysia, keadilan dan kesamarataan, dinamik dan berdaya saing, beretika dan beragama, masyarakat progresif dan pendayaupayaan dan terutama sekali mengenai aspek beriltizam dan berkeyakinan tinggi, matang dan demokratik, patriotisme, prihatin dan penyayang.

Penyelidik :

Prof. Dr. Azimi Hamzah

Geran Penyelidikan :

IPPBM-KBS/1/0016-10



PORTAL BELIA: PENERBITAN BUKU

Satu ruangan khas mengenai buku-buku berkaitan pembangunan belia disediakan di dalam portal belia yang boleh dilayari pada url <http://www.youth.org.my> dan klik pada menu penerbitan – buku. Sehingga kini terdapat dua laman yang disediakan menghimpunkan sebanyak 18 jenis buku yang telah dipilih untuk dipaparkan sebagai bahan rujukan pembangunan belia. 5 daripada 18 buku tersebut merupakan buku terbitan Institut yang telah diterbitkan sepanjang tahun 2007 dan sebuah buku bagi tahun 2008.

5 buku tersebut ialah:-

- Media dan Generasi Muda
- Jelajah Belia
- Pemetaan Belia Malaysia
- Generasi Belia – Satu Cetusan Pandangan
- Belia Tidak Berpersatuhan: Laporan Kajian

Selebihnya merupakan buku-buku yang dihimpunkan daripada beberapa penerbit dan institusi lain yang sesuai untuk dijadikan bahan rujukan pembangunan belia. Setiap buku disediakan sinopsis untuk memberi gambaran isi kandungannya dan sekiranya berminat untuk mendapatkan buku tersebut,




pengguna bolehlah menghubungi penerbit melalui maklumat yang telah disediakan pada laman ini.

Kronologi Tema Hari Merdeka

Pada setiap tahun tanggal 31 Ogos, negara kita akan menyambut Hari Kemerdekaan. Walaubagaimanapun, tema hari kemerdekaan Malaysia mula diwujudkan pada tahun 1970. Setiap tahun, tema yang digubah mengikut situasi semasa kecuali tahun 1988-1989 dan tahun 2000-2006. Oleh itu, berikut merupakan imbasan kronologi tema Hari Merdeka Malaysia yang telah digubah bagi menyuntik semangat kemerdekaan dan azam baru dalam membangunkan negara tercinta ini!

1970	Muhibah dan Perpaduan
1971	Masyarakat Progresif
1972	Masyarakat Adil
1973	Masyarakat Berkebudayaan Malaysia
1974	Sains dan Teknologi Alat Perpaduan
1975	Masyarakat Berdikari
1976	Ketahanan Rakyat
1977	Bersatu Maju
1978	Kebudayaan Sendi Perpaduan
1979	Bersatu Berdisiplin
1980	Berdisiplin Berbakti
1981	Berdisiplin Berharmoni
1982	Berdisiplin Giat Maju
1983	Bersama Ke Arah Kemajuan
1984	Amanah Asas Kejayaan
1985	Nasionalisme Teras Perpaduan
1986	Bangsa Tegas Negara Teguh
1987	Setia Bersatu Berusaha Maju
1988	Bersatu
1989	Bersatu
1990	Berjaya
1991	Wawasan 2020
1992	Wawasan Asas Kemajuan
1993	Bersatu Menuju Wawasan
1994	Nilai Murni Jayakan Wawasan
1995	Jatidiri Pengerak Wawasan
1996	Budaya Penentu Kecapaian
1997	Akhlik Mulia Masyarakat Jaya
1998	Negara Kita, Tanggungjawab Kita
1999	Bersatu Ke Alaf Baru
2000-2006	Keranamu Malaysia
2007	Malaysiaku Gemilang
2008	Perpaduan Teras Kejayaan

Persidangan Antarabangsa Penyelidikan Belia 2008



Tarikh : 16 – 17 Disember 2008

Tempat : Hotel Marriot Putrajaya, Malaysia

Persidangan ini merupakan persidangan antarabangsa yang pertama diadakan oleh PENYELIDIKAN BELIA dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Persidangan ini bakal mengumpulkan para penyelidik dari dalam dan luar negara dengan satu tujuan iaitu untuk berkongsi hasil penemuan penyelidikan yang dijalankan mereka di dalam usaha pembangunan belia sejagat di dalam pelbagai isu.

Penyertaan persidangan amat dialukan kepada pekerja belia sama ada di dalam sektor kerajaan atau NGO, penyelidik dan seseiapa sahaja yang berminat.

Maklumat lanjut mengenai persidangan ini boleh didapati melalui laman web www.ukm.my/icyr08 atau www.youth.org.my

Luncheon Talk

PENYELIDIKAN BELIA telah meneruskan usaha menambah nilai kumpulan pengurusan profesional dan tertinggi di Kementerian Belia dan Sukan dengan menganjurkan Program Luncheon Talk pada 8 September 2008. Program ini diadakan bersempena dengan Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Belia dan Sukan. Penceramah jemputan, Prof. Madya Shaharuddin Badaruddin seorang penceramah bebas dari Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Institut Teknologi MARA Shah Alam telah berkongsi pandangan tentang tajuk "Motivasi Pekerja Belia". Beliau yang mendapat pendidikan Master of Arts (Sains Politik) di Roosevelt University, Chicago, U.S.A pada tahun 1992 pernah menghasilkan 27 penulisan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan merangkumi bidang politik, pentadbiran, pembangunan belia dan isu kemiskinan. Beliau juga telah menjalankan pelbagai penyelidikan dan konsultansi di samping aktif dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan.

Prof. Madya Shaharuddin Badaruddin telah menyentuh pelbagai aspek dalam menyampaikan ceramah tersebut. Menerusi beberapa kajian yang dihasilkan, beliau telah mengenalpasti pelbagai punca serangan sosio budaya belia pada masa kini. Sikap belia yang dipengaruhi oleh perubahan zaman semakin lama menghanyutkan belia kepada penyakit 'Cultural Schizophrenia' yang merupakan *Mental Distortion*, di mana ia mampu memusnahkan tamadun. Oleh yang demikian, beliau berpandangan bahawa pihak pengurusan tertinggi Kementerian Belia dan Sukan telah diamanahkan untuk menyemai nilai-nilai positif dalam diri belia. Usaha ini dilihat sebagai satu usaha yang murni dan suatu jihad yang perlu diteruskan dengan mempelbagaikan program hingga ke peringkat akar umbi.

Pelbagai pandangan telah dikongsi bersama di sepanjang program tersebut. Ini membuktikan bahawa PENYELIDIKAN BELIA telah berjaya membuka minda pihak pengurusan profesional dan tertinggi di KBS untuk merencana dan merancang pelbagai program khusus kepada mobilisasi pembangunan belia.



of competencies, skills, and motivation in order to enhance individuals' developmental pathways.


Approaches to Positive Youth Development, is based on this concept and brings together authors from across Europe and America who are leaders in their respective fields. The main focus of the book, beyond a clarification of the paradigmatic foundations, concerns the major contexts of adolescents and young adults, namely, neighbourhoods and leisure locales, school and family, and the major themes of healthy psychosocial development, namely, competences and knowledge, prosocial behaviour, transcending problems of delinquency, civic engagement, identity, agency, and spirituality.

Ulasan Buku

Media dan Generasi Muda

- Penerbit : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
- Terbitan : 2008
- Halaman : 236 halaman

Sejumlah 12 artikel telah dimuatkan di dalam buku ini membicarkan isu belia dalam pembangunan, pembentukan identiti budaya, kontruksi sosial, nilai-nilai mempengaruhi hidup remaja, perkembangan industri media dan kesannya kepada generasi muda, dan juga implikasi dasar-dasar kerajaan untuk menangani isu sosial di kalangan generasi muda di negara ini.



Tumpuan buku ini adalah untuk memberikan peluang kepada pembaca mendalami salah satu isu yang dikaitkan dengan generasi muda iaitu pengaruh media terhadap pembangunan diri generasi muda. Tema Media dan Generasi Muda ini diharapkan akan dapat mengupas perkembangan, pengaruh, peranan dan juga kesanmedia terhadap pembangunan generasi muda di negara ini.

Approaches to Positive Youth Development

- Penulis : Rainer K. Silbereisen & Richard M. Lerner
- Penerbit : Sage Publications Ltd.;
- Edisi : 1
- Terbitan : 2007
- Halaman : 368 pages
- <http://www.worldcat.org/oclc/85829802>

Scientific research and science-guided practice based on the promotion of an individual's strengths constitutes a radical shift in a new and growing area of study within the field of human development. Its trademark term is 'positive youth development'. This approach to human development is based on the idea that, in addition to preventing problems, science and practice should promote the development

